

- C. Dalam petikan dialog di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan bahasa**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kesalahan Bahasa (Atasi)

Basyeera: Kamu sedang membaca apa, Kumari?
Kumari: Saya sedang membaca artikel tentang wira masyarakat yang baik hati. Beliau telah membantu golongan yang kurang bernasib baik tanpa mengira latar belakang dan bangsa.
Basyeera: Siapakah wira masyarakat itu, Kumari?
Kumari: Wira masyarakat itu adalah Encik Kuan Chee Heng atau lebih dikenal sebagai *Uncle Kentang*. Beliau merupakan aktivis dan sukarelawan kemanusiaan Malaysia. Beliau sangat aktif dalam pelbagai-bagai misi bantuan kepada pihak yang memerlukan bantuan di seluruh Malaysia.
Basyeera: Apakah antara bantuan yang diberikan oleh beliau?
Kumari: Antara bantuan yang diberikan oleh beliau termasuklah perkhidmatan ambulans, van jenazah, wang tunai, dan barang keperluan.

(i) _____

(ii) _____

- D. Dalam petikan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan bahasa**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kesalahan Bahasa (Atasi)

Peranan guru tersangat penting kepada murid-murid. Guru menyampaikan ilmu dan memberikan bimbingan agar murid menguasai sesuatu pelajaran dengan baiknya. Selain itu, guru sanggup berkorban masa dan tenaga agar murid tidak ketinggalan dalam pelajaran. Seiring dengan peredaran zaman, cabaran guru semakin bertambah juga. Guru harus berfikiran kreatif dan inovatif terhadap mengaplikasikan penggunaan teknologi terkini agar dapat menarik minat murid untuk belajar.

(i) _____

(ii) _____